

Exco Perak

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

esok atau lusa

IPOH, Isnin — Kerajaan baru Negeri Perak akan dibentuk dalam sehari dua lagi, kata Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamed Haji Wan Teh, hari ini.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed yang diperkenankan oleh Sultan Perak mengetuai Kerajaan Negeri sekali lagi menambah:

"Senarai anggota Exco Kerajaan akan diumumkan setelah diperkenankan oleh Baginda selaku ketua pemerintah

Negeri."

Menteri Besar itu menyatakan demikian selepas upacara mengadap Baginda Sultan di Istana Iskandariah, tengahari ini bersama calon-calon Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, yang menang dalam pilihan raya baru-baru ini.

Ditanya siapa antara muka baru dalam Exconya, Datuk Seri Haji Wan Mohamed berkata beberapa nama sedang dipertimbangkan.

Ini berikutan kerusi Exco yang dikosongkan

oleh Haji Zainal Abidin Zin, Haji Saidin Mat Piah dan Encik Abdul Wahab Abu Bakar.

Haji Zainal Abidin Zin kini Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Wilayah, Haji Saidin, Ahli Parlimen Padang Rengas, manakala Encik Abdul Wahab tidak bertanding semula.

Antara muka baru yang disebut-sebut bakal menduduki Exco ialah Haji Abdul Khalid Nasir yang menang di kawasan Kamunting dan Encik Zulkernain Haji Abdul Rahman (Slim).

Haji Abdul Khalid ialah bekas Setiausaha Politik Menteri Besar dan Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri, manakala Encik Zulkernain, bekas Timbalan Pengarah Pelajaran Perak yang juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim.

Bagi MCA pula, Encik Chin Yoong Fee, seorang peguam muda yang menang di kubu kuat DAP di Guntong, dijangka dipilih menduduki Exco.

Ini berikutan langkah bekas Exco, Encik Peter Chin bertanding kerusi Parlimen Ipoh.